

# Dua wakil Malaysia unggul tilawah ASEAN

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]



**Muhamad Husaini dan Siti Husnaa bergambar bersama piala yang dimenangi selepas menyertai Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat ASEAN 2016 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.**

**Selangor:** Qari dan qariah Malaysia terus mengharumkan nama negara selepas masing-masing dinobatkan sebagai johan dan naib johan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat ASEAN 2016 di Bangkok, Thailand kelmarin.

Kemenangan qari negara, Muhamad Husaini Mahmur, 24, adalah kemenangan ketiga berturut-turut bagi Malaysia dalam pertandingan yang dianjurkan sejak 2011 itu.

Qariah Malaysia diwakili Siti Husnaa Hassan, 24, yang juga johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun lalu.

Muhamad Husaini, yang meraih tempat ketiga pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2016, berkata persaingan antara peserta dari lapan negara sengit namun Malaysia mempunyai kelebihan kerana format pertandingan berkenaan sama seperti yang dianjurkan Malaysia.

"Kebanyakan peserta mempunyai kelebihan dari segi suara yang tinggi dan lajhah yang bagus. Justeru, selain mengekalkan aspek itu, saya turut memberi penekanan kepada taranum dan tajwid," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Muhamad Husaini, yang berasal

dari Senawang, Negeri Sembilan dan juga penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), turut menjuarai Tilawah al-Quran Belia Asia Tenggara yang dianjurkan di Brunei, tahun lalu.

## Cuba konsisten

Sementara itu, Siti Husnaa, dari Bentong, Pahang, yang juga pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan di Universiti Teknologi MARA UiTM, berkata beliau sentiasa cuba untuk konsisten kerana saingannya dalam pertandingan itu hebat dan lebih berpengalaman.

"Memang pertandingan kali ini agak mencabar kerana saingan saya adalah wakil yang sama mewakili negara masing-masing pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun ini, namun alhamdulillah, saya berjaya mendapat tempat kedua," katanya yang tewas kepada qariah dari Filipina.

Beliau juga pernah bergelar johan pada Pertandingan al-Quran Peringkat Asia Tenggara 2013 di Brunei. Muhamad Husaini membawa pulang hadiah wang tunai 50,000 baht (RM5,634) dan piala, manakala Siti Husnaa membawa pulang 30,000 baht (RM3,380) dan piala.